



Tarikh : 23 September 2014

**PEKELILING BENDAHARI BIL 1 TAHUN 2014**  
**MAKLUMAN PENGUATKUASAAN PERATURAN TUNTUTAN ELAUN**  
**PERJALANAN KENDERAAN KETIKA BERTUGAS RASMI DAN**  
**BERTUGAS LEBIH MASA**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk makluman kepada semua staf UniMAP berkaitan dengan peraturan yang telah ditetapkan berkenaan dengan tuntutan elaun perjalanan (perbatuan) ketika bertugas rasmi dan bertugas lebih masa.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Peraturan berkenaan tuntutan perbatuan ketika menjalankan tugas rasmi bagi semua perjalanan ke pejabat-pejabat UniMAP telah ditetapkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti Kali ke 32 Bil 4 Tahun 2004 dan juga telah ditetapkan sekali lagi melalui Mesyuarat Pengurusan Universiti Kali ke 63 Bil 4 Tahun 2009.
- 2.2 Sementara peraturan bagi tuntutan perbatuan ketika staf menjalankan kerja lebih masa telah ditetapkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti Kali ke 80 Bil 2 Tahun 2012.
- 2.3 Staf UniMAP adalah tertakluk kepada pemakaian peraturan-peraturan ini.

### **3.0 PERATURAN**

- 3.1 Peraturan bagi tuntutan perbatuan ketika bertugas rasmi bagi semua perjalanan ke pejabat-pejabat UniMAP adalah seperti berikut:
  - 3.1.1 Setiap tuntutan perbatuan bagi jarak di antara kampus ke kampus UniMAP yang lain perlu ditolak 5km sehala atau 10 km untuk jumlah perjalanan pergi dan balik bagi satu hari.
  - 3.1.2 Perjalanan yang terlibat adalah melibatkan jarak perjalanan di sepanjang waktu pejabat sahaja. Jarak perjalanan selepas waktu pejabat adalah mengikut jarak perjalanan yang sebenar.
  - 3.1.3 Hanya perjalanan dari satu bangunan kampus ke bangunan kampus UniMAP sahaja yang terlibat dengan peraturan ini. Bagi perjalanan ke tempat-tempat lain di sekitar negeri Perlis dan bukan premis UniMAP, tuntutan jarak adalah mengikut jarak yang sebenar.
- 3.2 Bagi peraturan untuk tuntutan perbatuan ketika menjalankan kerja lebih masa pula, syarat-syarat adalah seperti berikut:
  - 3.2.1 Jarak yang layak dituntut untuk perjalanan dari rumah ke pejabat / tempat menjalankan kerja lebih masa atau jarak dari pejabat / tempat bekerja lebih masa ke rumah adalah maksimum 20km sehala atau 40km pergi dan balik.
  - 3.2.2 Setiap tuntutan perbatuan tersebut perlu dikemukakan surat arahan bertulis daripada Ketua Jabatan/Dekan untuk menjalankan kerja lebih masa tersebut bersama-sama dengan borang tuntutan perjalanan. Sekiranya arahan diterima secara emel, sila lampirkan cetakan emel tersebut.
  - 3.2.3 Sekiranya arahan diterima secara lisan, sila nyatakan di dalam kenyataan tuntutan bahawa arahan telah diberi secara lisan dan ditandatangan ringkas oleh Ketua Jabatan/Dekan sebagai perakuan.
  - 3.2.4 Peraturan jarak maksimum 20km sehala adalah terpakai untuk staf sokongan sahaja.

- 3.2.5 Untuk staf yang mempunyai waktu kerja secara giliran, kerja lebih masa adalah dikira selepas waktu bekerja giliran berkenaan. Walau bagaimanapun, staf perlu melampirkan bersama jadual bekerja giliran untuk tujuan rujukan.
  - 3.2.6 Sekiranya staf perlu membuat kerja lebih masa dibeberapa lokasi pada hari yang sama, jarak ke lokasi seterusnya adalah dikira berdasarkan jarak sebenar.
- 3.3 Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti UniMAP yang dibenarkan bagi staf untuk membuat tuntutan perjalanan:
  - 3.3.1 Menghadiri mesyuarat rasmi dan perbincangan.
  - 3.3.2 Menghadiri kuliah.
  - 3.3.3 Menghadiri kursus/bengkel/seminar.
  - 3.3.4 Menghadiri mesyuarat yang melibatkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh UniMAP sebagai Ahli Jawatankuasa.
  - 3.3.5 Menguruskan aktiviti-aktiviti rasmi yang dianjurkan oleh UniMAP sebagai Ahli Jawatankuasa sebelum dan selepas aktiviti dijalankan.
  - 3.3.6 Penghantaran surat antara kampus oleh Pembantu Am Pejabat.
  - 3.3.7 Urusan pembelian bahan-bahan dan alat untuk urusan rasmi sahaja.
- 3.4 Bersama-sama ini juga disertakan Jadual Jarak Perjalanan Antara Kampus UniMAP (**Lampiran 1**) untuk rujukan dan kegunaan semua staf UniMAP untuk tuntutan perbatuan antara kampus UniMAP.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**  
**'Berminda Usahawan, Berjiwa Ilmuwan'**

Saya yang menurut perintah,

**(SAODAH BINTI HASSAN)**  
Bendahari